

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status semasa pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Parlimen Lubok Antu untuk kesejahteraan rakyat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Parlimen Lubok Antu yang masih dalam pelaksanaan / siap adalah seperti Jadual dibawah:

<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Status Projek</b>	<b>Jangka Siap</b>
1	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 4 – Sri Aman	8 juta	Peringkat Rekabentuk	
2	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jalan Bara Sayat ke Kampung Soh Bahagian Sri Aman Sarawak	16 juta	52 % siap	26 September 2020
3	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa II, Bahagian Sri Aman, Sarawak	50 juta	Peringkat Penilaian Tender	

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG@TAMBAT  
[LUBOK ANTU]**

**SOALAN NO. 484**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan ke kawasan pedalaman dan perkampungan di Parlimen Lubok Antu selaras dengan program '*Primary Health Care (EnPHC)*' yang telah dijalankan oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di kawasan pedalaman bagi memastikan penduduk mendapat penjagaan kesihatan yang optima. Antara langkah-langkah yang dilakukan termasuklah penambahan jawatan anggota kesihatan, naik taraf keperluan peralatan perubatan, perluasan skop perkhidmatan dan menambahbaik infrastuktur klinik. Di samping itu, terdapat seorang Pakar Perubatan Keluarga yang berkhidmat di Klinik Kesihatan Lubok Antu bagi memastikan perkhidmatan kepakaran perubatan keluarga dapat diberikan kepada penduduk selari dengan inisiatif *Primary Health Care (EnPHC)* yang dilaksanakan oleh kementerian.

Sekian, terima kasih.